

15.5.2023

SIARAN MEDIA

oleh YAB TUAN CHOW KON YEOW
KETUA MENTERI PULAU PINANG

14.5.2023 INSIDEN PARAS SUNGAI MUDA: PERKHIDMATAN BEKALAN AIR PULAU PINANG “PULIH” KE TAHAP 90% DALAM MASA 36 JAM

PULAU PINANG, ISNIN, 15.5.2023:

- Saya telah diberi taklimat oleh Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP Ir. Pathmanathan K. mengenai keputusan terkini pelan respons kecemasan PBAPP terhadap insiden paras sungai Sungai Muda yang berlaku pada 5.00 pagi semalam.
- Berikut ialah ringkasan fakta dan angka penting, setakat jam 11.30 pagi hari ini:

Perkara	Status
1. Paras Sungai Muda (muka sauk Lahar Tiang)	1.56m
2. Operasi pengambilan air mentah di Lahar Tiang	83%
3. Pengeluaran air di Loji Rawatan Air Sungai Dua	100% (kira-kira 1,000 JLH)
4. Normalisasi bekalan air untuk kira-kira 400,000 pengguna air	
a. Seberang Perai	90%
b. Penang Island	90%
5. Anggaran jumlah pengguna masih terjejas akibat insiden semalam	Kira-kira 40,000
6. Jangkaan "pemulihan penuh" bekalan air	Rabu – Khamis (17.5.2023 – 18.5.2023)

- Berdasarkan keputusan ini, saya berterima kasih dan memuji pasukan PBAPP atas kerja yang dilakukan dengan baik. Semalam, PBAPP bertindak balas dengan pantas kepada senario bekalan air kecemasan. Hari ini, majoriti rakyat Pulau Pinang dapat menerima bekalan air.

- Walau bagaimanapun, saya ingin menggesa PBAPP untuk meneruskan kerja sehingga mencapai 100% atau pemulihan sepenuhnya perkhidmatan bekalan air di Pulau Pinang, seperti yang disasarkan atau lebih awal. Teruskan melakukan kerja pemulihan untuk rakyat negeri Pulau Pinang.

Punca Kejadian 14.5.2023 di Kedah dan Langkah-langkah Pencegahan

- Pelbagai media massa dan media dalam talian telah memetik Menteri Besar Kedah sebagai menyatakan bahawa punca kejadian semalam adalah "kegagalan sensor automatik" di salah sebuah benteng Sungai Muda yang tiba-tiba membuka pintu tebatan banjir, "membiarkan kuantiti air sungai yang sangat besar mengalir ke laut."
- Pertama, saya ingin menyatakan bahawa kejadian ini berlaku di negeri Kedah, dan bukan di Pulau Pinang. Namun begitu, kami merasai kesan sepenuhnya di Pulau Pinang semalam.
- Kedua, sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang, saya ingin mencadangkan agar Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) menjalankan siasatan penuh berhubung kejadian ini. Kami ingin tahu pasti kerana kira-kira 400,000 pengguna air di Pulau Pinang menderita akibat kejadian ini.
- Ketiga, kami ingin mengelak kejadian ini daripada berulang pada masa hadapan. Rupa-rupanya, sensor automatik yang rosak dalam satu benteng di Kedah yang telah menyebabkan banyak "kerusakan" kepada Pulau Pinang. Jadi, eloklah SPAN meminta pihak berkuasa yang berkenaan di negeri Kedah untuk memeriksa semua sistem di semua baraj di Kedah dan melihat jika ada apa-apa lagi yang perlu diganti atau dinaik taraf. Ini dipanggil penyelenggaraan pencegahan.
- Akhir sekali, saya ingin memohon agar Kerajaan Persekutuan menubuhkan "Ulu Muda Basin Authority" atau UMBA yang dicadangkan untuk menguruskan Ulu Muda Basin secara berkesan dan profesional. Kedua-dua negeri Pulau Pinang dan Kedah sangat bergantung kepada Lembangan Sungai Ulu Muda, termasuk Sungai Muda, untuk bekalan air dan pengairan. Kita tidak boleh mengabaikan kepentingan memulihara lembangan sungai ini dengan betul demi kebaikan rakyat, ekonomi dan masa depan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER).



PBA

Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda

Meeting all your water supply needs

- Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak mahu lagi kejadian ini berlaku di Sungai Muda. Kami mahu UMBA menguruskan Lembangan Ulu Muda bagi mengelakkan kejadian luar jangka yang akan menjejaskan bekalan air untuk berjuta-juta penduduk di Pulau Pinang dan Kedah.

Sekian. Terima kasih.
